

BUZZHEPA @UMK

BULETIN BIL. 2/2024
APRIL - JUN 2024

Amad Ismail



HARI RAYA AIDILFITRI 2024

PROGRAM RAIKAN SYAWAL BERSAMA HEPA 7 HINGGA 9 APRIL 2024

Pihak HEPA UMK telah mengadakan program menyantuni mahasiswa yang tidak pulang sempena Hari Raya Aidilfitri. Penyampaian sumbangan telah diadakan bermula 7 hingga 9 April 2024. Penyediaan juadah turut disediakan kepada mahasiswa pada hari Raya pertama.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI UNIVERSITI

Majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri Universiti telah berlangsung pada 21 April 2024 di Kampus Jeli dan 24 April 2024 di UMK Bachok. Majlis ini berkonsepkan gotong-royong iaitu setiap pusat tanggungjawab perlu menyediakan juadah. Pihak HEPA bersama mahasiswa juga terlibat dalam menyediakan juadah kepada semua tetamu.





MAJLIS PERASMIAN PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI KAMPUS JELI BAHARU

21 APRIL 2024



Pusat Kesihatan Universiti (PKU) Kampus Jeli telah dirasmikan pada 21 April 2024 oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Razli bin Che Razak, Naib Canselor. PKU baharu ini telah ditambahbaik dengan penyediaan ruang rawatan, farmasi serta menunggu yang lebih selesa. Ia juga mampu menampung jumlah pesakit yang lebih ramai.



NAHAS HELIKOPTER TLDM TERHEMPAS : KPT BIAYA PENUH YURAN PENGAJIAN PELAJR UMK

25 APRIL 2024



Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) akan membiayai sepenuhnya yuran pengajian Nurul Shahfiqah binti Mohd Shahrizan iaitu pelajar tahun satu(1) program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Peruncitan) Dengan Kepujian, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sehingga tamat belajar.

Dalam kenyataan media rasmi, KPT memaklumkan akan menyalurkan beberapa insentif bagi membantu meringankan beban keluarga anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) atas tragedi dua buah helikopter terhempas di Lumut, Perak pada Isnin lalu.



Bahagian Kebajikan dan Tatatertib Pelajar (BKTP), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), turut menziarah keluarga Nurul Shahfiqah di kediamannya semalam. BKTP turut menyampaikan sumbangan kecemasan kepada Nurul Shahfiqah semasa sesi ziarah tersebut.

Turut hadir, Ketua Pentadbir/Timbalan Pendaftar Kanan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, YM Raja Azlan bin Raja Ismail, Ketua Bahagian, Bahagian Kebajikan dan Tatatertib Pelajar, Encik Mohd Adli bin Ismail dan Yang Dipertua, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Luqman Hakim bin Mohd Khatim.



MAJLIS SUMBANGAN KEPADA PELAJAR ASNAF/B40 OLEH TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD (TMAB)

6 MEI 2024



Majlis Sumbangan oleh TMAB kepada pelajar asnaf/B40 sebanyak RM35,000.00. a En Mohd Nazri bin Hassan, Pengurus TMAB cawangan Kota Bharu telah hadir mewakili TMAB bagi menyampaikan sumbangan ini. Pihak TMAB juga sudi untuk menyampaikan sumbangan duit raya kepada pelajar OKU dalam majlis ini.



MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI ALUMNI UMK

4 MEI 2024



Majlis Rumah Terbuka Aildilfitri Alumni UMK telah diadakan hari ini bertempat di Kantan Villa, Kajang Selangor. Majlis ini adalah anjuran secara kerjasama antara Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni dan Pertubuhan Alumni UMK.

Turut menghadiri majlis hari ini adalah YBhg. Dato' Pengerusi Lembaga Pengarah dan YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor. Majlis ini adalah julung kali diadakan untuk alumni UMK.



ZIARAH PRIHATIN KELUARGA ALLAHYARHAM MOHAMAD ANIQ ARSHAD BIN AZMI

6 MEI 2024



Bahagian Kebajikan dan Tatatertib telah mengadakan Ziarah Prihatin ke keluarga arwah Mohamad Aniq Arshad bin Azmi yang telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya pada 3 Mei 2024. Ziarah ini telah dihadiri oleh Prof. Dr. Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Raja Iskandar bin Raja Halid, Dekan FTKW dan staf.



MAJLIS PERASMIAN STUDENT LEADERSHIP CAMP 2024

8 MEI 2024



Program Student Leadership Camp (SLC) 2024 telah berlangsung bermula 7 hingga 9 Mei 2024 di Peladang Agro Resort Setiu Terangganu. SLC merupakan program tahunan HEPA yang disertai oleh kesemua wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan wakil kelab/persatuan dan bertujuan untuk mempersiapkan pemimpin pelajar tentang urusan tadbir, kewangan serta tatakelola yang betul dalam pengurusan kelab/persatuan.




Pelbagai aktiviti disediakan dalam SLC merangkumi aktiviti kepimpinan, taklimat pentadbiran/kewangan, kerohanian dan lain-lain. Program ini telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

ZIARAH PRIHATIN PELAJAR KEMALANGAN JALAN RAYA

9 MEI 2024



Bahagian Kebajikan dan Tatatertib telah mengadakan Ziarah Prihatin pelajar Amirul Akmal bin Osman Zakba, pelajar Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan yang telah ditimpa kemalangan pada 8 Mei 2024. Ziarah ini turut dihadiri oleh Prof. Dr. Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Kecederaan yang dialami pelajar tidak serius namun rawatan susulan masih perlu dan pihak HEPA akan membantu pelajar bagi mendapatkan rawatan susulan. Sumbangan turut diberikan kepada pelajar.



SEMINAR PENGURUSAN ASRAMA PERINGKAT KEBANGSAAN (SPARK) 2024

20 HINGGA 22 MEI 2024



Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2024 telah diadakan pada 20 hingga 22 Mei 2024 bertempat di Hotel H Elite Design Hotel Kota Bharu. Program ini adalah kerjasama UMK dan MAPUM dengan tema 'Kesejagatan Universiti Membentuk Mahasiswa Madani'. YBrs. En Hirman bin Awang, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah merasmikan majlis ini.

SPARK 2024 adalah platform untuk para pembentang dan peserta saling berkongsi pengetahuan dan pengalaman masing-masing berkaitan dengan pengurusan asrama di peringkat IPT terutamanya di Malaysia. Seramai 229 orang peserta yang terdiri dari kesemua Universiti Awam, 5 Institut Pengajian Tinggi Swasta dan 1 penyedia perkhidmatan. Sebanyak 72 abstrak dan 27 oral akan dibentangkan dan 45 poster akan dipertandingkan.



PROGRAM ZIARAH PRIHATIN DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN KHAS PELAJAR DITIMPA MUSIBAH

26 MEI 2024



Program ziarah prihatin pelajar Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) iaitu Saudari Iffah Ikil Maisarah Binti Mohamed Rasul yang ditimpa kemalangan pada 6 Mac 2023 telah diadakan sebentar tadi di Hospital Al-Sultan Abdullah, Puncak Alam. Program ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan perkembangan terkini keadaan Saudari Iffah yang lumpuh dan sedang mendapatkan rawatan rehabilitasi berkala.

Turut hadir bersama sesi ziarah prihatin sebentar tadi termasuklah En.Kaliyapan a/ Rajakumaran, Ketua Penolong Pengarah, BHEP mewakili Pengarah BHEP JPT dan Ketua Pentadbir HEPA UMK.

Bersempena dengan ziarah ini, pihak HEPA mengambil kesempatan menyampaikan sumbangan perlindungan insurans sebanyak RM20,450 dari Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) bagi meringankan beban Saudari Iffah yang sedang menjalani rawatan rehabilitasi. Bahagian Kebajikan juga mengambil kesempatan mendapatkan maklumat mengenai bantuan dan keperluan khusus Saudari Iffah untuk memastikan proses pembelajaran beliau sepanjang proses rehabilitasi ini tidak terjejas.




MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PRIHATIN PAHANG KLUSTER SISWA 2024

8 JUN 2024



YB Dato' Ir Haji Mohd Soffi bin Tan Sri Abd. Razak, EXCO Kanan, EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan negeri Pahang telah mewakili YAB Menteri Besar Pahang telah menyampaikan bantuan sebanyak RM400.00 seorang. Turut hadir YH Dato' Sri Shahaniza Binti Shamsuddin, Pengarah Sekretariat Mahasiswa Anak Pahang, YH Dato' Hj Wan Sulaiman Bin Wan Ismail, Pengarah Setara Unit Perancangan, Operasi dan Data Strategik, Tuan Hj Ab Razak Musa Saari, Chief Operation Officer Yayasan Pahang. UMK mengucapkan jutaan terima kasih atas keprihatian Kerajaan Negeri Pahang atas usaha memberikan bantuan ini. Semoga lebih banyak kerjasama antara Kerajaan Negeri Pahang melalui Yayasan Pahang akan dapat dilaksanakan pada masa hadapan.



PERHIMPUNAN PAGI BADAN BERUNIFORM UMK 2024

12 JUN 2024



Perhimpunan Badan-badan Beruniform yang telah diadakan di Kampus Kota. Seramai 364 orang pegawai kadet dari Kampus Kota yang terdiri dari pelbagai badan beruniform telah hadir. Perhimpunan ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Razli bin Che Razak, Naib Canselor dan pengurusan universiti.



PROGRAM ROADSHOW BIASISWA KERAJAAN NEGERI SABAH BERSAMA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

22 JUN 2024



Program ini bermatlamat menyantuni para pelajar melalui pelbagai pengisian termasuklah penerangan mengenai biasiswa biasiswa/penajaan dan pembiayaan pengajian yang ditawarkan oleh kerajaan negeri dan sesi dialog bersama wakil-wakil agensi/institusi terlibat.

YB Datuk Dr Haji Mohd. Arifin bin Datuk Haji Mohd. Arif, JP Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah Merangkap Exco Agama dan Exco Pendidikan telah merasmikan program ini. Dalam program yang sama juga, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) secara rasminya telah menyatakan persetujuan untuk menaja dan membiayai pengajian para pelajar anak-anak Negeri Sabah melalui inisiatif Program Pembangunan Siswa SULUNG dengan jumlah penajaan sebanyak RM105,075.00 sepanjang pengajian para pelajar yang telah terpilih.



DAPUR HEPA

28 JUN 2024



Program dapur pelajar merupakan inisiatif Bahagian Kebajikan dan Tatatertib Pelajar (BKTP), Pejabat TNC HEPA dgn kerjasama Pusat Islam telah diadakan dengan jayanya di UMK Bachok. Program ini berkonsepkan dapur terbuka yang dimasak dan disediakan secara rawang antara warga HEPA dan para pelajar sekitar UMK Bachok. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari para pelajar.



YBhg. Prof. TNC HEPA dan Ketua Pentadbir HEPA turut meluangkan masa menikmati makanan yang disediakan tersebut. Program ini merupakan aktiviti berkala warga HEPA untuk membantu para pelajar yang kurang berkemampuan dan mewujudkan kebersamaan bersama para pelajar. Di samping itu, program ini juga secara tidak langsung membantu memupuk semangat disiplin dan pengurusan masa yang efektif melibatkan para pelajar yang terlibat.



MAJLIS MAKAN MALAM BADAN BERUNIFORM DAN MAJLIS APRESIASI FASILITATOR PUSAT KOKURIKULUM 2024

30 JUN 2024



Majlis Makan Malam Badan Beruniform dan Majlis Apresiasi Fasilitator 2024 telah diadakan di Dewan Tuanku Canselor malam tadi. Majlis ini bertujuan untuk mengumpulkan fasilitator serta memberikan pengiktirafan atas sumbangan yang diberikan sepanjang tempoh pembelajaran.

Turut diraikan adalah Jurulatih Badan Beruniform dan alumni yang telah berjaya diserap dalam agensi Badan Beruniform. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan kemahiran insaniah pelajar kerana ia sangat penting bagi memastikan pelajar UMK mampu mencapai gaji premium apabila bekerja kelak.



ANUGERAH



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Tahniah

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
ANUGERAH PERAK
KATEGORI UNIVERSITI AWAM**

**CIK RAJA FADHILAH BINTI RAJA AHMAD
PUAN NOOR AMIERA SAILA BINTI RAMLEE
KATEGORI GENDANG SARI**

**KELAB LE'WARIS
ANUGERAH EMAS
KATEGORI GAMBANG MUSTIKA**

**MAJLIS ANUGERAH SENI MAKUM
SESI 2022/2023**

Daripada
PROF. DR. MOHAMMAD BIN ISMAIL
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHNIAL PELAJAR DAN ALUMNI)
& SELURUH WARGA NEPA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Tahniah

**KHAIRUNNISA BINTI MOHD SANI
FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN**

atas kejayaan

**ANUGERAH PERAK
KATEGORI BONANG EMAS (PEREMPUAN)**

sempena

**MAJLIS ANUGERAH SENI MAKUM
SESI 2022/2023**

Daripada
PROF. DR. MOHAMMAD BIN ISMAIL
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHNIAL PELAJAR DAN ALUMNI)
& SELURUH WARGA NEPA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Tahniah

**MUHAMMAD HISYAM BIN ABDUL RAHIM
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

atas kejayaan

**JOHAN PELAJAR TERBAIK
KATEGORI ANUGERAH BONANG EMAS (LELAKI)**

sempena

**MAJLIS ANUGERAH SENI MAKUM
SESI 2022/2023**

Daripada
PROF. DR. MOHAMMAD BIN ISMAIL
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHNIAL PELAJAR DAN ALUMNI)
& SELURUH WARGA NEPA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST